

# Tekong warga Vietnam didenda RM1 juta

*Sinar Harian 9/11/2018 m/s 18*

**KUALA TERENGGANU** - Padah menangkap hasil laut di perairan negara melibatkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM 1 juta termasuk lima tan hasil laut, seorang tekong warga Vietnam dikenakan hukuman denda RM1 juta manakala seorang awak-awaknya didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

Tidak cukup dengan itu, tekong, Truong

Luoang Thien, 37, dan Vo Van Hue, 39, turut berdepan hukuman tiga tahun penjara sekiranya gagal menjelaskan denda ditetapkan.

Keputusan dibuat selepas mereka didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan boleh dibaca bersama mengikut Seksyen 25(a) yang dibaca

bersama Seksyen 52 (1)(a) (i) dan Seksyen 52 (1) (a) (ii) akta sama.

Selain itu, mahkamah turut memerintahkan semua barang kes iaitu sebuah kapal penangkapan ikan, peralatan menangkap ikan, hasil laut dirampas dan minyak diesel dilucutkan kepada kerajaan Malaysia.

Berdasarkan pertuduhan, kedua-dua

tertuduh didakwa menangkap ikan tanpa kebenaran di bawah mana-mana perjanjian perikanan antarabangsa dan tanpa permit sah yang dikeluarkan Pengarah Perikanan Malaysia.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di atas vesel penangkapan ikan pada jarak 100 batu nautika dari perairan Kuala Terengganu 2 Oktober lalu.